

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN PER-
Khidmatan Tadbir dan Diplomatik DI
HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR PADA 19HB
MEI, 1973**

Saudara Presiden, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dif-dif yang terhormat, saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan berbanyak terima kasih, bagi pihak isteri saya dan saya sendiri, atas jemputan Persatuan PTD untuk kami berdua menghadiri Majlis malam ini.

Saya sukacita bahawa Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan yang telah dimulakan beberapa tahun nampaknya menjadi satu tradisi yang kekal dan saya berharap akan dapat diteruskan dari tahun ke tahun dengan jayanya.

Seperti yang dikatakan oleh saudara Presiden tadi, majlis atau perhimpunan ini akan menjalinkan perhubungan yang lebih rapat dalam suasana persefahaman dan kemesraan di antara gulungan politik dengan anggota-anggota Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kita dan juga antara sesama anggota-anggota Perkhidmatan ini sendiri. Tidak syak lagi, pimpinan PPTD yang bertukar ganti akan berusaha mengadakan majlis yang semeriah ini bagi tahun-tahun yang akan datang kelak.

Begitu juga, saya ingin menyatakan penghargaan dan terimakasih atas ikrar taat setia dan sokongan kepada Kerajaan yang saya pimpin daripada seluruh anggota Perkhidmatan ini. Saya percaya dengan adanya perasaan tanggungjawab serta dedikasi di kalangan pegawai-pegawai semua, akan bertambahlah keyakinan bahawa matlamat-matlamat pembangunan negara kita yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru akan dapat tercapai dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian,

Selama tempoh yang telah melihat berbagai-bagai perubahan dan pembaharuan, saya sukacita melihat bahawa Persatuan ini tidak tertinggal dalam usaha-usaha pembaharuannya sendiri. Nama Persatuan ini telahpun berubah selaras dengan pertukaran nama Perkhidmatan ini kepada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Perubahan nama ini sangatlah wajar memandangkan

bahawa sektor diplomatik juga harus memainkan peranan yang sama penting dalam kegiatan Persatuan ini dan dengan itu memenuhi maksud serta memberi makna kepada penyatuan kedua-dua sektor Tadbir dan Diplomatik yang merupakan perkhidmatan inti di negara kita. Barangkali, oleh kerana imej yang baru inilah, saya melihat lebih ramai pegawai-pegawai dari sektor diplomatik yang turut hadir bersama malam ini. Saya rasa memanglah elok bagi pegawai-pegawai sektor diplomatik mengambil bahagian yang lebih aktif dalam Persatuan ini untuk kepentingan bersama.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam ucapannya tadi, Presiden telahpun menerangkan bidang-kerja dan aktiviti-aktiviti yang sedang diuruskan oleh Jawatan-kuasa Kerja PPTD. Saya gembira mendapat tahu aktiviti seperti itu masih dijalankan sungguhpun kita maklum kebanyakan pegawai-pegawai sentiasa sibuk dengan urusan pejabat terutama menghadapi masalah perancangan serta perlaksanaan rancangan pembangunan negara. Saya memberi sokongan penuh kepada aktiviti-aktiviti tersebut terutamanya usaha-usaha yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat. Sebagai satu pertubuhan yang anggota-anggotanya terdiri dari golongan terpelajar serta mempunyai taraf yang tinggi dalam masyarakat di samping kemewahan, patut benarlah Persatuan ini memberi perhatian berat kepada golongan yang kurang bernasib baik dan serba kekurangan itu. Kerajaan amat mengharapkan bantuan tenaga dan kerjasama orang ramai terutama pertubuhan sukarela dan persatuan sosial supaya mengembelinkan usaha untuk menjayakan matlamat pembangunan masyarakat.

Begitu juga, kegiatan serta langkah menambahkan pengalaman dan pengetahuan ahli-ahli Persatuan eloklah diteruskan. Rancangan lawatan sambil belajar, mengaturkan ceramah dan sebagainya memang baik diadakan bagi kepentingan anggota Persatuan. Saya bersetuju dengan langkah mengaturkan rancangan lawatan ke Sabah dan Sarawak dan juga ke beberapa kawasan pembangunan di Johor dan Pahang.

Langkah seperti ini elok digalakkan kerana mustahak saudara-saudara mengetahui dengan lebih mendalam keadaan serta kemajuan rancangan pembangunan di negara ini sendiri untuk memberikan penerangan yang jelas dan berkesan apabila saudara-saudara berkunjung ke negara-negara tetangga.

Kerajaan sedia menyokong rancangan seperti itu dari peruntukan yang ada. Bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa segala kegiatan itu tidaklah patut tertumpu kepada beberapa orang yang aktif sahaja. Saya ingin melihat lebih ramai menyertai aktiviti-aktiviti yang dirancang terutamanya pegawai-pegawai muda yang masih serba kekurangan dari segi pengalaman.

Saya suka juga memberi pertolongan kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Tadbir Negeri. Kita berharap Perkhidmatan Tadbir seluruh negara dapat disatukan, tetapi nampaknya rancangan ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini. Oleh itu, bagi menolong pegawai-pegawai di peringkat negeri untuk mendapatkan pengalaman, saya cadangkan elok diadakan rancangan pertukaran antara Negeri dan Pusat supaya dapat memberikan pengalaman yang luas kepada mereka itu.

Kejayaan rancangan-rancangan di peringkat negeri banyak bergantung kepada kebolehan dan kecekapan pegawai-pegawai ini. Oleh itu, mustahaklah mereka diberi peluang mendapatkan pengalaman yang lebih luas untuk menjalankan tugas dan menunaikan tanggungjawab mereka dengan lebih jaya dan berkesan lagi.

Seperti pernah saya katakan dahulu, kelulusan akademik dan latihan formal yang didapati semasa di Universiti hanya memberikan asas permulaan kepada kita. Sebaliknya, amatlah penting dan mustahak pegawai-pegawai perkhidmatan awam mempunyai pandangan yang luas dan "well-rounded personality" supaya membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan.

Saudara-saudara sekalian,

Presiden Persatuan tadi ada menyebut tentang adanya perkara-perkara yang menyebabkan kejatuhan moral dan insentif di kalangan pegawai-pegawai PTD terutama di peringkat bawahan. Saya kurang faham kenapa hal ini timbul kerana kita tahu pegawai-pegawai PTD sendirilah yang menasihatkan Kerajaan dalam sebarang keputusan mengenai Perkhidmatan. Setiap Perkhidmatan yang berkenaan telahpun diberi peluang mengemukakan sebarang kesulitan berkaitan dengan peraturan pelaksanaan Lapuran Suffian dahulu.

Saya telahpun menegaskan baru-baru ini bahawa belumlah masanya menimbangkan sekim baru oleh sebab Lapuran Suffian

baru sahaja berjalan tiga tahun yang lepas. Bagaimanapun, saya bersetuju bahawa sebarang pembaharuan dalam perkhidmatan sepatutnya bertujuan untuk mengadakan peraturan perkhidmatan dan tanggungji yang lebih memuaskan serta lebih sempurna bagi kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan. Memandangkan adanya kerumitan-kerumitan yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan Surat Pekeliling yang disebutkan tadi, saya fikir perkara ini bolehlah ditimbangkan semula. Kalau ada niat hendak buat rumah haram—saya harap sabarlah dahulu.

Saya harap rasa kegelisahan yang dikatakan oleh Presiden tadi tidaklah harus menjadi sebab atau alasan melemahkan insentif ataupun mengabaikan tanggungjawab masing-masing terutama pada masa kita mengejar waktu hendak mencapai matlamat-matlamat pembangunan.

Kerajaan tentulah tidak mahu melihat satu keadaan di mana kakitangan dan pegawai hanya bekerja mengikut waktu sahaja tanpa motivation atau commitment yang penuh kepada cita-cita pembangunan negara. Begitu juga, saya tidak ingin melihat mutu kecekapan Perkhidmatan PTD merosot oleh sebab peraturan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan tidak menarik lagi kepada candidate yang berkelebihan tinggi dan yang penuh minat dan didikasi.

Saya ingin memberi pengakuan iaitu Kerajaan bersedia menimbangkan keadaan yang ada sekarang serta bersama-sama memikirkan cara-cara bagi mengatasi masalah-masalah itu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya tidaklah mahu berpanjang lagi tentang perkara yang serious ini dan sebaliknya eloklah suasana majlis yang meriah ini dan juga mood malam ini tidak dirosakkan. Juruacara majlis nampaknya resah hendak meneruskan ataucara yang telah disediakan untuk hiburan semua di sini. Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan anggota-anggota PPTD dan mengakhiri dengan mengucapkan selamat maju jaya.

Saya suka menjemput dif-dif yang hadir bangun bersama-sama saya untuk memberi minuman selamat kepada Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.